



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Ordinary Level

BAHASA MELAYU LANJUTAN

1117/2

Kertas 2

HIGHER MALAY

SPECIMEN PAPER

Paper 2

With effect from 2024 examination

1 hour 45 minutes

Additional Materials: Answer Booklet

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Jawab semua soalan. Tulis jawapan atau lorek bujukan berhuruf berdasarkan jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Kamu tidak dibenarkan membawa Buku Jawapan keluar.

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.



Singapore Examinations and Assessment Board

BAHAGIAN A (20 MARKAH)**Soalan A1 (10 markah)**

Arahan: Isi setiap tempat kosong dengan perkataan yang sesuai untuk melengkapkan teks. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Kini, hampir setiap kenderaan dilengkapi dengan kamera. Ternyata, kamera yang dipasang ini mampu membantu pihak polis untuk meningkatkan **(1)** _____ keselamatan di kawasan kejiranan.

Sememangnya, melalui inisiatif Vehicles on Watch (VOW), kegiatan jenayah dapat dipantau dengan **(2)** _____. Pemilik kenderaan yang dilengkapi dengan kamera yang boleh membuat rakaman **(3)** _____ henti diajak untuk menyertai VOW. Hal ini kerana kamera kenderaan yang mampu kekal aktif **(4)** _____ enjin kenderaan dimatikan akan merakam kawasan di sekitar kenderaan tersebut diletakkan. **(5)** _____ berlaku perbuatan jenayah, rakaman daripada kamera tersebut boleh membantu polis untuk menjalankan penyiasatan. Jelaslah, dengan kerjasama pemilik kenderaan, usaha untuk mengekang jenayah dapat dipertingkatkan.

Soalan A2 (10 markah)

Arahan: Dalam teks berikut terdapat baris-baris yang bernombor. Dalam setiap baris tersebut terdapat sepatah perkataan yang disalah imbuah atau disalah guna. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Betulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan gantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

<p>(6)</p> <p>(7)</p> <p>(8)</p> <p>(9)</p> <p>(10)</p>	<p>Setiap negara mempunyai cara tersendiri untuk mempamerkan penghargaan terhadap individu atau anak watan yang telah berkorban untuk negara. Lazimnya, penghargaan terhadap generasi terdahulu yang telah menyumbang untuk penakatan dan kemakmuran negara dilakukan dengan membina monumen. Sebilangan banyak monumen di beberapa bandar bernama kian menjadi tarikan pelancong.</p> <p>Sudah sewajarnya pembinaan monumen untuk menghargai pemimpin pengasas Singapura direalisasikan. Bahkan, usaha untuk pengabdian nama insan-insan ini wajar mendapat sokongan meluas masyarakat Singapura. Bukankah harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama?</p>
--------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

Arahan: Baca teks berikut dengan teliti.

Nizam tidak berpuas hati. Encik Zaki akan menyerahkan kepercayaan memimpin syarikat miliknya kepada Imran.

“Imran orang luar, Ayah. Orang luar tidak boleh dipercayai,” kata **Nizam yang membantah keras keputusan Encik Zaki yang muktamad itu.**

“Gara-gara terlalu percaya akan orang dalamlah, Ayah kehilangan jutaan dolar,” keluh Encik Zaki.

“Kamu lupa? Atas pujukan kamu, Ayah menerima Farid untuk bekerja di syarikat ini. Atas pujukan kamu jugalah, projek yang sepatutnya membawa keuntungan besar diserahkan kepada kawan baik kamu itu. Apa hasilnya?” tambah Encik Zaki.

Sebenarnya, Encik Zaki tidak berniat hendak membelakangkan darah dagingnya sendiri. Tidak lama lagi, Hana, anak bongsu Encik Zaki, akan menamatkan pengajian. Hana layak menjadi pengganti Encik Zaki. Namun, Imran lebih layak. Imran memang tidak berpelajaran tinggi tetapi dia tidak jemu-jemu memajukan diri. Imran juga memanfaatkan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diraihnyanya untuk memajukan syarikat milik Encik Zaki.

“Alah, dia ada maksud yang terselindung! Mustahil dia akan membiarkan syarikat ini jatuh bankrap. Kalau bankrap, dia yang rugi,” bentak Nizam.

“Usah kamu layan perasaan dengki kamu itu. Ingat, kesabaran Ayah ada batasnya. Berubahlah, Nizam,” balas Encik Zaki.

“Adakah Ayah tahu akan perbuatan aku memfitnah Imran?” fikir Nizam.

Hakikatnya, Encik Zaki juga tahu akan rancangan Nizam untuk menghasut rakan-rakan sekerjanya dengan niat untuk melemahkan kedudukan Imran di syarikat itu.

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan teks di halaman 3, jawab soalan-soalan berikut. Bagi Soalan 11 hingga 13, pilih jawapan yang sesuai. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu. Bagi Soalan 14 dan 15, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

11 ‘... Nizam yang membantah keras keputusan Encik Zaki yang **muktamad** itu.’

Perkataan ‘muktamad’ dalam ayat ini memberikan gambaran bahawa Nizam tidak akan dapat _____.

(A)	menyuarakan bantahannya
(B)	mempengaruhi pemikiran Encik Zaki

12 Apakah kesan perbuatan orang dalam terhadap Encik Zaki?

(A)	Encik Zaki harus menanggung kerugian.
(B)	Encik Zaki harus bergantung pada orang luar.

13 “Alah, dia ada maksud yang terselindung! Mustahil dia akan membiarkan syarikat ini jatuh bankrap. Kalau bankrap, dia yang rugi,” bentak Nizam.

Nyatakan tujuan Nizam melahirkan kata-kata tersebut.

(A)	Dia mahu mendedahkan niat Imran yang sebenar.
(B)	Dia mahu menimbulkan rasa curiga terhadap Imran.

14 Encik Zaki telah memberikan amaran keras kepada Nizam. Nukil ayat yang mempamerkan perbuatan Encik Zaki ini.

15 Nizam telah membiarkan perasaan dengki menguasai dirinya. Berikan bukti untuk menyokong pernyataan ini.

BAHAGIAN C (38 MARKAH)**Soalan C1 (22 markah)**

Arahan: Baca teks berikut dengan teliti.

Pak Nuar dan Mak Yam bijak mengatur kehidupan. Dengan gaji Pak Nuar yang tidak seberapa, mereka mampu menyediakan tempat tidur dan ruang belajar yang selesa untuk anak-anak mereka, Ehsan dan Johan. Malah, anak-anak yang mendewasa di flat sewa ini puas menikmati lauk daging, ayam dan ikan. Pak Nuar dan Mak Yam pula hanya makan ikan kering dan sayur. Kata Pak Nuar dan Mak Yam, inilah makanan kesukaan mereka.

5

Pak Nuar dan Mak Yam memang tidak pernah mengimpikan kehidupan yang mewah; cukuplah dengan mempunyai anak-anak yang mendapat pendidikan yang terbaik. Duit yang ada disalurkan ke tabung pendidikan anak-anak. Beruntung Ehsan dan Johan. Selain diasuh oleh emak dan ayah yang benar-benar faham akan erti pengorbanan, mereka turut dikurniai Pak Long dan Mak Long yang hidup dalam serba kekurangan tetapi tidak pernah kekeringan duit untuk disumbangkan kepada tabung pendidikan Ehsan dan Johan.

10

“Begitulah sikap orang yang tidak pernah ketandusan rasa empati. Ehsan juga boleh turut menyumbang; menyumbangkan masa dan tenaga,” kata Pak Nuar kepada Ehsan.

“Kalau begitu, Ehsan hendak jadi doktorlah. Bolehlah Ehsan menyumbangkan masa dan tenaga untuk mengubati orang-orang sakit,” balas Ehsan.

15

Rupa-rupanya, Ehsan benar-benar terpanggil untuk menyertai bidang perubatan; bidang yang memerlukan pengorbanan dan kerja keras. Lima tahun lamanya Ehsan bersenggang mata untuk menjadi doktor. Selesai pengajian, Ehsan mengorbankan masa selama enam tahun lagi untuk meraih gelaran Doktor Pakar. Ehsan menolak jawatan sebagai doktor biasa dan mengetepikan keinginan untuk cepat-cepat menikmati gaji yang lumayan. Ehsan melanjutkan pengajian. Ternyata, Ehsan menemui kebahagiaan dalam usahanya untuk memberikan khidmat yang terbaik. Lantas, meskipun masa kerja Ehsan tidak ada hadnya, Ehsan tidak pernah mengehadkan masanya untuk mendampingi masyarakat.

20

“Sebagai doktor, saya berhadapan dengan bermacam-macam orang. Ada yang sanggup menggadaikan kesihatan kerana kesempitan wang. Tergerak hati saya untuk memulakan projek mengumpulkan dana bagi pesakit-pesakit ini,” cerita Ehsan.

25

Ehsan turut mengetuai Jawatankuasa bagi Kesihatan Masyarakat dan menyertai program mentor bagi remaja yang datang daripada keluarga kurang bernasib baik.

“Jadilah seperti Singapura yang nampak kerdil di mata dunia tetapi gigih berjuang dan mampu menjadi sehebat gergasi dunia,” nasihat Ehsan kepada remaja-remaja yang dibimbingnya.

30

Kata Ehsan lagi, “Orang Singapura beruntung; yang susah, masih berpeluang untuk mendapat pendidikan dan melangkah ke universiti. Namun, ingat. Jangan anggap segala yang dinikmati ini sebagai hak. Belajarlah untuk bersyukur.”

Terangsang mereka mendengar kata-kata Ehsan. Dengan keyakinan yang meningkat, remaja-remaja ini terdorong untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi para penghuni Pusat Warga Emas Restu. Maya, anak sulung Ehsan, juga tidak mahu ketinggalan. Dia menggunakan wang simpanannya untuk membeli keperluan bagi warga emas di pusat tersebut. Lega hati Ehsan. Sememangnya, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

35

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan teks di halaman 5, jawab soalan-soalan yang diberikan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 16** Dalam kesempitan, Pak Nuar dan Mak Yam tetap bercita-cita tinggi.
- (a) Apakah cita-cita Pak Nuar dan Mak Yam? (2 markah)
- (b) Jelaskan cara-cara Pak Nuar dan Mak Yam melindungi Ehsan dan Johan daripada realiti kehidupan mereka. (4 markah)
- 17** Apakah yang mendorong Pak Long dan Mak Long untuk menyumbangkan duit kepada tabung pendidikan Ehsan dan adiknya? (2 markah)
- 18** Ehsan berharap perkongsian dengan remaja-remaja yang dibimbingnya akan meninggalkan kesan dalam diri mereka. Nyatakan kesan-kesan yang hendak ditinggalkannya itu. (4 markah)
- 19** Bidang kedoktoran merupakan bidang yang tidak dipengaruhi manfaat ekonomi atau kepentingan duniawi.
- (a) Apakah tindakan Ehsan yang mencerminkan bahawa dia 'benar-benar terpenggil untuk menyertai bidang perubatan; bidang yang memerlukan pengorbanan dan kerja keras' (baris16-17)? (2 markah)
- (b) Pelibatan Ehsan dalam kerja kemasyarakatan merupakan lanjutan kepada amanah yang dipegangnya sebagai doktor. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)
- 20** Semangat untuk berbakti yang berakar umbi dalam diri Ehsan turut mekar dalam diri orang-orang yang didampinginya. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

Soalan C2 (16 markah)

Arahan: Baca teks berikut dengan teliti.

Sudah hampir separuh abad berlalu sejak perdana menteri pertama Singapura memutuskan untuk memindahkan lapangan terbang negara ini dari Paya Lebar ke Changi. Keputusan tersebut diragui sesetengah pihak yang menyarankan agar Lapangan Terbang Paya Lebar dipertingkatkan untuk menampung jumlah penumpang yang bertambah. Malah, untuk membangunkan Lapangan Terbang Changi, biaya yang banyak diperlukan. Pembangunan tersebut turut melibatkan pengambilan tanah dan pemindahan penduduk. Malah, kerja menambak laut, iaitu menimbus kawasan laut dengan tanah dan pasir, juga perlu dijalankan. 5

Soalnya, awal sebelum itu, projek penambakan laut yang lain sudahpun dilakukan. Misalnya, kawasan laut yang luas – dari Bedok ke Tanjong Rhu – ditambah untuk memenuhi keperluan perumahan dan rekreasi. Estet Marine Parade dan Katong dibina di atas tanah yang dahulunya laut. Bahkan, pantai East Coast turut terhasil daripada kawasan laut yang ditambah. Bukankah kejayaan ini **petanda** bahawa Singapura mampu melaksanakan keputusan yang dianggap rumit itu? 10

Yang jelas, Lapangan Terbang Changi terbina akhirnya. Kini, lapangan terbang yang terletak agak jauh dari kawasan kediaman dan perindustrian ini dihubungkan ke seluruh negara dengan rangkaian pengangkutan dan prasarana yang lengkap. Sejak pembukaannya, Lapangan Terbang Changi telah menerima ratusan anugerah. Jumlah penumpang yang diuruskannya pula puluhan juta banyaknya. Hal ini bukan sesuatu yang **mustahil**; Lapangan Terbang Changi mampu mengendalikan lebih daripada 7,000 penerbangan pada setiap minggu. 15 20

Sudah sewajarnya Singapura tidak terkejut oleh negara-negara jiran yang berusaha untuk menjadikan lapangan terbang di negara-negara tersebut hab penerbangan yang dapat menarik 100 juta orang penumpang dalam setahun. Hakikatnya, dengan prasarana dan perkhidmatan yang bertaraf dunia serta persekitaran yang aman dan selamat, Singapura pasti dapat mengekalkan kedudukannya sebagai hab penerbangan. Lagipun, selain melakukan kerja-kerja peningkatan, kemudahan baharu turut dibina. Pada tahun 2017, Terminal 4 yang menelan belanja berjuta-juta dolar mula beroperasi. Pada tahun 2030 pula, Terminal 5 yang dibina di kawasan tanah tambak yang terletak di timur Changi akan dibuka. 25

Ternyata, projek penambakan yang dijalankan telah menyumbang kepada pembangunan Singapura. Pembangunan di kawasan Marina juga berpunca daripada kerja menambak laut. Di kawasan inilah, tempat-tempat menarik seperti Marina Bay Sands, Esplanade – Teater di Pesisiran serta Muzium Seni dan Sains berdiri megah. Malah, kawasan laut yang ditambah ini turut menjadi tapak bagi Taman di Pesisiran. 30

Singapura memang tidak pernah gagal untuk menggemparkan dunia. Pada tahun 2014, Lebuhraya Marina Coastal (MCE), lebuhraya sepanjang lima kilometer yang sebahagiannya di bawah dasar laut, siap dibina. Pembinaan lebuhraya yang kompleks ini bukan sahaja menyerlahkan pencapaian Singapura dalam projek penambakan dan penyediaan infrastruktur bagi laluan pengangkutan darat, malah turut mempamerkan kejayaan Singapura dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan. Pada tahun 2019 pula, Singapura **menyaksikan kelahiran** Jewel Changi Airport. Seperti MCE, pembinaan bangunan yang mempunyai reka bentuk yang unik ini memerlukan kepakaran yang luar biasa. 35 40

Jelaslah, kemajuan yang dicapai Singapura cukup memberangsangkan.

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan teks di halaman 7, jawab soalan-soalan berikut. Bagi Soalan 21 dan 22, pilih jawapan yang sesuai. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu. Bagi Soalan 23 hingga 25, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21** Keputusan untuk menggantikan Lapangan Terbang Paya Lebar dengan Lapangan Terbang Changi tidak mendapat sokongan sesetengah pihak kerana _____.
- (A) pelaksanaannya dianggap rumit
 (B) keperluan perumahan dan rekreasi perlu dipenuhi
 (C) Changi terletak agak jauh dari kawasan kediaman dan perindustrian
 (D) jumlah penumpang di Lapangan Terbang Paya Lebar telah bertambah
- 22** Berdasarkan perenggan keempat, kita dapat membuat kesimpulan bahawa kedudukan Singapura sebagai hab penerbangan dikekalkan melalui pendekatan yang _____.
- (A) reaktif dan drastik
 (B) intuitif dan deduktif
 (C) holistik dan futuristik
 (D) proaktif dan konservatif
- 23** Masyarakat antarabangsa mempunyai keyakinan yang kukuh terhadap kemampuan Lapangan Terbang Changi.
- (a) Nyatakan pendirian Singapura terhadap usaha negara-negara jiran untuk meningkatkan prestasi lapangan terbang di negara-negara tersebut. (2 markah)
- (b) Singapura telah membuat keputusan yang tepat untuk membangunkan Lapangan Terbang Changi. Berikan bukti-bukti untuk mempertahankan pernyataan ini. (4 markah)
- 24** Terangkan maksud perkataan atau frasa berikut berdasarkan penggunaannya dalam teks. (6 markah)
- (a) petanda (baris 13)
 (b) mustahil (baris 19)
 (c) menyaksikan kelahiran (baris 41)

BAHAGIAN D (12 MARKAH)

- 25** Berdasarkan teks di halaman 7, ringkaskan pencapaian Singapura yang menarik perhatian dunia. Tulis ringkasan kamu dengan menggunakan tidak lebih daripada 60 patah perkataan.

Selesai

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.